



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 OGOS 2022 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHSIAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**22 OGOS 2022 (ISNIN)**

## KPDNHEP giat kesan peniaga masih naikan harga makanan

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) giat menegakan peniaga yang masih menaikkan harga makanan sehingga menekan pengguna walaupun harga bahan mentah stabil.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, mana-mana peniaga yang menaikkan harga makanan sehingga menekan pengguna berdepan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kerana mengambil keuntungan secara berlebihan.

"KPDNHEP memandang serius isu peniaga yang mengena-

kan harga makanan tidak masuk akal kepada pelanggan.

"Ketika harga ayam naik tempoh hari, peniaga cepat-cepat menaikkan harga makanan, namun kita perhatikan sekarang harga makanan masih naik walaupun harga bahan mentah telah stabil," katanya ketika sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Persatuan Pegawai Syariah Terengganu di sini pada Ahad.

Menurut Rosol, sebahagian daripada anggota penguat kuasa KPDNHEP akan melakukan penyamaran bagi memantau sendiri situasi itu di mana-mana premis kedai atau gerai makan.

"Ada seramai 2,300 anggota penguat kuasa di seluruh negara. Sesetengah pegawai penguat kuasa akan berpakaian seperti orang awam ketika melakukan siasatan di lokasi-lokasi disasarkan," ujarnya.

Rosol berkata, orang ramai pula diminta menyalurkan maklumat kepada pihak berwajib bagi memudahkan tindakan diambil.

Tambah beliau, setakat ini belum ada tindakan diambil kerana setiap tindakan perlu mengikut saluran betul dan siasatan terperinci termasuk melibatkan kos bahan dikeluarkan untuk menghasilkan makanan.



Rosol (kiri) ketika sidang akhbar di Kuala Terengganu pada Ahad.

## Tindakan tegas peniaga letak harga makanan tak munasabah

**Kuala Terengganu:** Peniaga kedai makan yang meletak harga tidak munasabah akan dikenakan tindakan tegas.

Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) boleh mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, berkata orang ramai merungut harga barang mentah sudah turun, namun harga makanan masih kekal pada harga lama.

Beliau berkata, penguat kuasa sentiasa memantau harga makanan di seluruh negeri itu dan setakat ini, tiada tindakan diambil kerana peniaga masih mematuhi peraturan.

"Kita tidak menerima aduan khusus daripada pengguna membabitkan kedai makan yang mengenakan harga tidak munasabah di negeri ini."

"Sekiranya berlaku kes sedemikian, kami boleh menyiasat mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya di sini, semalam.

Saharuddin berkata, KPDNHEP berharap peniaga kedai makan tidak ambil kesempatan menaikkan harga makanan.



Saharuddin Mohd Kia





**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau semua bentuk aktiviti penjualan dalam talian bagi memastikan ekosistem perniagaan mematuhi etika dan peraturan urus niaga yang ditetapkan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, peniaga dan pengguna perlu peka peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam urus niaga jual beli dalam talian terutama menerusi platform media sosial.

Katanya, bagi memastikan perniagaan dalam talian berkembang dalam suasana kondusif dan sihat selain memperkasakan aspek perlindungan pengguna katanya, pihaknya tegas menguatkuasakan Peraturan Perlindungan Pengguna

## ***KPDNHEP sentiasa pantau aktiviti jualan dalam talian***

(Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Seiring perkembangan teknologi yang menyaksikan transformasi pengguna lebih cenderung memilih transaksi jual beli dalam talian berbanding secara fizikal, ramai peniaga dilihat semakin kreatif untuk mempromosi serta meningkatkan jualan produk dan perkhidmatan masing-masing.

"Kita faham dengan persaingan semakin sengit dan ramai pe-

niaga berlumba-lumba menaikkan jualan dengan masing-masing cuba mengetengahkan pelbagai tarikan namun saya tegaskan ia mestilah berlandaskan undang-undang yang ditetapkan. Jika mematuhi peraturan, tiada masalah," katanya.

Rosol berkata, bagi tempoh Januari hingga Julai lalu, KPDNHEP menerima sebanyak 15,957 aduan dengan

**KPDNHEP terima 15,957 aduan sepanjang Januari hingga Julai**

aduan berkaitan transaksi dalam talian mencatat jumlah tertinggi iaitu 4,760 kes, harga mengelirukan

(4,187) dan perkhidmatan mengelirukan (3,289).

"Antara aduan paling popular ialah pengguna tidak menerima barangan atau perkhidmatan ditawarkan, barang atau perkhidmatan diterima tidak sama seperti ditawarkan, menerima barangan tiruan dan peniaga dalam talian tidak memamerkan lapan perkara urus niaga perdagangan elektronik.

"Aduan yang diterima membabitkan pelbagai platform pembekal perkhidmatan dalam talian seperti laman sesawang *market place*, media sosial dan aplikasi dalam telefon," katanya.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	<b>RM7.99</b>	• Telur Gred A	<b>RM12.90</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>	• Cili Merah	<b>RM12</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM36</b>	• Ikan Kembung	<b>RM9.99</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM2.20</b>	• Kubis Tempatan	<b>RM3.20</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM53.90</b>	• Minyak Masak	<b>RM6.70</b>	• Bawang Putih	<b>RM4.99</b>	• Tepung Gandung	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

**BERITA ONLINE BERTARIKH 22 OGOS 2022**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Aug	KPDNHEP giat kesan peniaga naikkan harga makanan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/217517">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/217517</a>	SH
22-Aug	PENIAGA DIGESA TURUNKAN HARGA MAKANAN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/991158/peniaga-digesa-turunkan-harga-makanan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/991158/peniaga-digesa-turunkan-harga-makanan</a>	BH
22-Aug	KPDNHEP guna taktik penyamaran pantau harga tak munasabah	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/632893">https://m.malaysiakini.com/news/632893</a>	MALAYSIAKINI
22-Aug	KPDNHEP guna teknik menyamar pantau harga makanan di setiap negeri	<a href="https://selangorkini.my/2022/08/kpdnhep-guna-teknik-menyamar-pantau-harga-makanan-di-setiap-negeri/">https://selangorkini.my/2022/08/kpdnhep-guna-teknik-menyamar-pantau-harga-makanan-di-setiap-negeri/</a>	SELANGORKINI
22-Aug	KPDNHEP guna teknik penyamaran pantau harga tidak munasabah di premis makanan	<a href="https://www.melakahariini.my/kpdnhep-guna-teknik-penyamaran-pantau-harga-tidak-munasabah-di-premis-makanan/">https://www.melakahariini.my/kpdnhep-guna-teknik-penyamaran-pantau-harga-tidak-munasabah-di-premis-makanan/</a>	MELAKAHARIINI
22-Aug	KPDNHEP gesa premis makanan turunkan harga jualan, ikut harga semasa barangan mentah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/45540-kpdnhep-gesa-premis-makanan-turunkan-harga-jualan-mengikut-harga-semasa-barangan-mentah">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/45540-kpdnhep-gesa-premis-makanan-turunkan-harga-jualan-mengikut-harga-semasa-barangan-mentah</a>	BERITARTM
22-Aug	KPDNHEP deploys plainclothes officers to check food premises	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdnhep-deploys-plainclothes-officers-to-check-food-premises-CA9651253">https://www.thesundaily.my/local/kpdnhep-deploys-plainclothes-officers-to-check-food-premises-CA9651253</a>	THESUN
22-Aug	KPDNHEP deploys plainclothes officers to check food premises	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-deploys-plainclothes-officers-check-food-premises-377260%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-deploys-plainclothes-officers-check-food-premises-377260%3famp=1</a>	ASTROAWANI



22-Aug	KPDNHEP kesal peniaga makanan enggan turun harga	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/08/21/kpdnhep-kesal-peniaga-makanan-enggan-turun-harga/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=kpdnhep-kesal-peniaga-makanan-enggan-turun-harga">https://www.kosmo.com.my/2022/08/21/kpdnhep-kesal-peniaga-makanan-enggan-turun-harga/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=kpdnhep-kesal-peniaga-makanan-enggan-turun-harga</a>	KOSMO
22-Aug	KPDNHEP guna teknik penyamaran pantau harga tidak munasabah di premis makanan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2113065">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2113065</a>	BERNAMA
22-Aug	KPDNHEP deploys plainclothes officers to check food premises	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2113084">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2113084</a>	BERNAMA
22-Aug	KPDNHEP deploys plainclothes officers to check food premises	<a href="http://www.dailyexpress.com.my/news/198034/kpdnhep-deploys-plainclothes-officers-to-check-food-premises/">http://www.dailyexpress.com.my/news/198034/kpdnhep-deploys-plainclothes-officers-to-check-food-premises/</a>	DAILYEXPRESS
22-Aug	KPDNHEP giat kesan peniaga naikkan harga makanan	<a href="https://berita.bersatu.org/2022/08/22/kpdnhep-giat-kesan-peniaga-naikkan-harga-makanan/">https://berita.bersatu.org/2022/08/22/kpdnhep-giat-kesan-peniaga-naikkan-harga-makanan/</a>	BERITABERSATU
22-Aug	KPDNHEP guna teknik penyamaran pantau harga tidak munasabah di premis makanan	<a href="https://sabahbarunews.com/kpdnhep-guna-teknik-penyamaran-pantau-harga-tidak-munasabah-di-premis-makanan/">https://sabahbarunews.com/kpdnhep-guna-teknik-penyamaran-pantau-harga-tidak-munasabah-di-premis-makanan/</a>	SABAHBARUNES
22-Aug	Harga barang stabil, peniaga digesa turun harga makanan	<a href="https://wartarakyat.com.my/index.php/2022/08/21/harga-barang-stabil-peniaga-digesa-turun-harga-makanan/">https://wartarakyat.com.my/index.php/2022/08/21/harga-barang-stabil-peniaga-digesa-turun-harga-makanan/</a>	WARTARAKYAT
22-Aug	Peniaga digesa turun harga makanan	<a href="https://youtu.be/oUtBjUDfUM8">https://youtu.be/oUtBjUDfUM8</a>	HM
22-Aug	KPDNHEP guna teknik penyamaran pantau harga tidak munasabah di premis makanan	<a href="https://youtu.be/9P5RHMsToAU">https://youtu.be/9P5RHMsToAU</a>	ONENEWS
22-Aug	184,560 dapat manfaat Jualan Murah Keluarga Malaysia	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/08/21/184560-pengguna-terengganu-terima-manfaat-pjkm/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=184560-pengguna-terengganu-terima-manfaat-pjkm">https://www.kosmo.com.my/2022/08/21/184560-pengguna-terengganu-terima-manfaat-pjkm/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=184560-pengguna-terengganu-terima-manfaat-pjkm</a>	KOSMO

22-Aug	TINDAKAN TEGAS MENANTI JIKA NAIKKAN HARGA MAKANAN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/873895/tindakan-tegas-menanti-jika-naikkan-harga-makanan-metrotv">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/873895/tindakan-tegas-menanti-jika-naikkan-harga-makanan-metrotv</a>	HM
22-Aug	KELUARGA MALAYSIA SALES PROGRAMME IN T'GANU GENERATES RM10.11 MILLIONS IN SALES	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2113095">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2113095</a>	BERNAMA
22-Aug	Keluarga Malaysia Sales Programme in Terengganu generates RM10.11m in sales, says Domestic Trade Ministry state director	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/money/2022/08/21/keluarga-malaysia-sales-programme-in-terengganu-generates-rm1011m-in-sales-says-domestic-trade-ministry-state-director/23952">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/money/2022/08/21/keluarga-malaysia-sales-programme-in-terengganu-generates-rm1011m-in-sales-says-domestic-trade-ministry-state-director/23952</a>	MALAYMAIL
22-Aug	Peniaga Makanan Digesa Turunkan Harga	<a href="https://fb.watch/f1TjH1emZH/">https://fb.watch/f1TjH1emZH/</a>	BULETIN9
22-Aug	No need local authority involvement for halal certificate issuance	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/397391">https://www.themalaysianinsight.com/s/397391</a>	THEMALAYSIANINSIGHT